



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

COVID-19: KUMPULAN JCORP SALUR SUMBANGAN LEBIH RM4.54 JUTA

JOHOR BAHRU, 25 APRIL 2020: Johor Corporation (JCorp) dan syarikat Kumpulan telah menyalurkan sumbangan lebih RM4.54 juta bagi membantu kerajaan yang sedang berusaha gigih untuk mencegah dan memutuskan rantai penularan COVID-19 menerusi penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac hingga 12 Mei depan.

Menteri Besar Johor, YAB Datuk Haji Hasni Bin Mohammad yang juga Pengerusi JCorp berkata, komitmen tersebut termasuk bantuan berjumlah RM3 juta bagi membiayai pembelian 20 unit mesin bantuan pernafasan (RVM) untuk keperluan pesakit di Unit Rawatan Rapi (ICU) akibat jangkitan COVID-19 di hospital seluruh negeri Johor.

Dana tersebut diuruskan oleh Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ) dan DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah berkenan menyerahkan 42 unit RVM kepada pihak hospital, baru-baru ini.

Bantuan tersebut disumbangkan oleh JCorp bersama Kulim (M) Berhad (Kulim), KPJ Healthcare Berhad (KPJ), QSR Brands (M) Holdings Berhad (QSR Brands), Johor Land Berhad (JLand), Damansara Assets Sdn Bhd (DASB), Damansara REIT Managers Sdn Bhd dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp).

"Selain daripada sumbangan RVM, bantuan berjumlah RM727,849 dalam bentuk barangan juga telah diberikan oleh Kulim, JLand, KPJ, QSR Brands, DASB dan KARA Holdings (KARA). Ia meliputi sumbangan peralatan perlindungan peribadi (PPE) untuk petugas barisan hadapan dan peralatan perubatan bagi kegunaan hospital, selain termometer, produk nanas Melita, set hidangan KFC dan Pizza Hut serta produk Ayam as yang diagihkan kepada pasukan petugas di pelbagai agensi," katanya.

Menteri Besar menambah, bantuan wang tunai berjumlah RM131,600 juga telah disumbangkan oleh Kulim, JLand dan WANCorp kepada beberapa badan serta persatuan.

Selain itu, sumbangan bungkusan makanan asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung dan susu telah diagihkan kepada 3,183 keluarga yang merupakan golongan B40 dan melibatkan peruntukan sebanyak RM161,668 bagi tempoh 22 Mac hingga 13 April lalu.

Menurut beliau, daripada jumlah itu Dana Kebajikan WANCorp menyumbangkan sebanyak RM65,000 kepada 1,300 keluarga, manakala Dana ADD Hope KFC memberi RM10,850 untuk 217 keluarga serta Dana COVID-19 yang diuruskan oleh WANCorp turut menghulurkan RM85,818 kepada 1,666 keluarga.

“WANCorp turut prihatin terhadap kesukaran peniaga-peniaga yang menyewa kedai dan gerai di premis miliknya yang terpaksa menghentikan operasi semasa PKP ini. Untuk membantu meringankan beban peniaga kecil yang terlibat, WANCorp memberi moratorium pinjaman, pelepasan sewa atau diskaun berjumlah RM555,004 bagi tempoh enam bulan,” katanya.

Menteri Besar berkata, JCorp dan syarikat Kumpulan akan meneruskan komitmen membantu kerajaan dan komuniti yang terjejas supaya selari dengan keputusan kerajaan yang menguatkuasakan Fasa 4 PKP mulai 28 April hingga 12 Mei bagi memastikan usaha mencegah dan memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 benar-benar berkesan serta mencapai matlamat sifar jangkitan virus maut tersebut.

Berikutan penularan COVID-19 yang memberi kesan jangka panjang kepada seluruh rakyat khususnya golongan B40, Menteri Besar menyeru supaya lebih ramai dermawan tampil menyumbang kepada mana-mana dana berkaitan untuk membantu golongan tersebut termasuk Dana COVID-19 yang diuruskan oleh WANCorp.

Sumbangan kepada Dana COVID-19 boleh dibuat menerusi pautan: <http://toyyibpay.com/Tabung-Bantuan-Covid-19-> atau disalurkan ke dalam Akaun Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato’ Onn, Johor Bahru: 01014010060023 (Bank Islam Malaysia Berhad).

-Tamat-

<p>Dikeluarkan oleh: Johor Corporation Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Strategik. Tel: 07-219 2692.</p>
--